

Pembentukan Identiti Wanita Berhijab Melalui Fesyen Sub-budaya Muzik *Metal* di Indonesia

RIZKY HAFIZ CHANIAGO
WAN AMIZAH WAN MAHMUD
BADRUL REDZUAN ABU HASSAN
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

Secara umum, sub-budaya muzik *metal* sering dikaitkan dengan budaya maskulin, termasuk di Indonesia. Keadaan ini menjadikan wanita Indonesia bergabung dalam sub-budaya muzik *metal* sukar untuk menjauhkan diri daripada struktur tersebut yang membuat mereka tidak berdaya dengan diskriminasi oleh golongan lelaki. Seiring dengan perkembangannya, kumpulan wanita Indonesia secara perlahan diterima dalam dunia sub-budaya *metal* bawah tanah, walaupun ia sering meraih kebaikan dan keburukan orang ramai bahkan apabila sekumpulan wanita pragmatik muncul dalam pelbagai komuniti muzik *metal* Indonesia. Di zaman ini, penglibatan wanita dalam sub-budaya muzik *metal* melahirkan satu fenomena baharu. Wanita Indonesia mengamalkan gaya sub-budaya muzik *metal* dengan menggunakan fesyen *metal* sebagai perwakilan identiti budaya. Dalam kajian ini, penyelidikan didasarkan kepada enam wanita dalam komuniti muzik *metal* di Jakarta dan Bandung Jawa Barat. Kajian ini menggunakan metod etnografi serta kaedah temu bual dalam mengumpul data utama. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai amalan fesyen muzik *metal* dan hubungannya dengan identiti wanita berhijab dalam komuniti muzik *metal*. Melalui pemerhatian penggunaan fesyen *metal* pada gaya hidup mahupun sikap dan tingkah laku golongan wanita dalam sub-budaya muzik *metal*, melahirkan pemahaman yang lebih luas tentang fenomena "hijab *metal*". Fesyen boleh dianggap sebagai salah satu makna yang digunakan oleh golongan wanita berhijab dalam sub-budaya muzik *metal* (*hijabers metal*) dalam menyampaikan identiti mereka untuk membelokkan mentaliti rakyat Indonesia terhadap sub-budaya *metal* yang sentiasa mengaitkan golongan muda-mudi sebegini dengan perkara yang menyimpang.

Kata kunci: *Sub-budaya, muzik metal, hijab, fesyen, identiti.*

Identity Construction of Hijabers (Women's Veiled) through Music Metal Fashion Subculture in Indonesia

ABSTRACT

In general, metal music subcultures are often associated with masculine culture, and Indonesia has not been spared from this music wave. This condition makes Indonesian women who are incorporated in the metal music subculture difficult to escape the structural straps that has made them bounded by men's discrimination. As time goes on, Indonesian women are slowly accepted in the underground metal subculture world although they often reap the pros and cons of the general public especially when hijabers (women's veiled) began to appear in various Indonesian metal communities. In the current millennium era, the involvement of hijabers in the subculture of metal music creates a new phenomenon. Indonesian hijabers have adopted a subculture lifestyle of metal music using metal fashion as a representation of the cultural identity. In this study, research focused on six hijabers in a metal community in the city of Jakarta and Bandung, West Java. The study uses ethnographic and interview method in collecting primary data. The purpose of this study is focused

on assessing the practice of metal fashion and its relationship with the identity of hijabers in the metal music community. The observation of fashion consumption of lifestyle as well as the attitudes and behaviors of hijabers in metal subculture gives a broader understanding of the "hijab metal" phenomenon. Fashion can be regarded as one of the meanings used by "hijabers metal" (hijabers whose interests are in the metal community) in communicating their identity in order to fend off the Indonesian mentality of the metal music subculture, which always associates young people with deviant things.

Keywords: *Subculture, metal music, hijab, fashion, identity.*

PENGENALAN

Dari awal mula berkembangnya sub-budaya muzik *metal*, budaya tersebut sudah masuk dalam stereotaip dunia lelaki kerana kumpulan muzik termasuk peminatnya kebanyakan golongan lelaki (Arnett, 1996, p.138). Dilahirkan daripada kumpulan golongan kelas pekerja anti-penubuhan menjadikan budaya ini sinonim dengan fesyen gelap. Kewujudan wanita berhijab di dunia sub-budaya muzik *metal* (*hijabers metal*) sampai kini masih relatif kecil, terutama di negeri Timur seperti Indonesia. Ketidakupayaan *hijabers metal* dalam sub-budaya ini dipengaruhi oleh pelbagai macam pandangan seperti adat istiadat, agama, sosial dan budaya. Dengan pandangan ini menjadikan mereka dikecualikan dalam sub-budaya muzik *metal*. Kehadiran mereka kurang mendapat maklum balas positif kerana imej wanita berhijab yang sudah berlaku di mata masyarakat sebagai wanita agama, berbusana tertutup dan pasif di mana norma ini sangat berbeza dengan budaya muzik *metal*. Pada hakikatnya, tidak mudah untuk mengubah stigma sub-budaya ini dengan fesyennya yang sudah berakar umbi. Walau bagaimanapun, berkaitan dengan identiti *hijabers metal* dalam komuniti muzik *metal* bawah tanah serta usaha mereka untuk mengubah imej muzik *metal* dan melahirkan suatu identiti baharu melalui fesyen menjadi sebuah fenomena sosial yang menarik untuk dikaji lebih dalam.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam era globalisasi sekarang ini, muzik *metal* boleh dianggap sebagai budaya popular yang boleh menjejaskan gaya hidup golongan muda termasuk golongan wanita. Ditambah dengan pengaruh fesyennya yang berkembang, penyebaran ideologi muzik *metal* yang dipengaruhi ideologi maskulin dan kandungan negatif dapat menyebarkan secara meluas dan pastinya dapat mempengaruhi identiti wanita Muslimah Indonesia. Walau apapun yang berlaku, stigma maskulin yang disenaraikan di atas fesyen muzik *metal* tidak boleh dielakkan lagi, tetapi imej ini boleh ditepis. Secara terperinci kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan fesyen hijab *metal* seperti pakaian, simbol dan aksesori (*attribute*) serta kesannya terhadap identiti *hijabers metal* dalam komuniti muzik *metal* bawah tanah. Secara keseluruhan kajian ini juga ingin membuktikan bahawa fesyen "hijab *metal*" merupakan suatu fenomena baharu yang boleh memberikan kesedaran positif dan tidak semestinya memberi pengaruh buruk sebagai fesyen yang berdampak negatif.

OBJEKTIF KAJIAN

Sub-budaya muzik *metal* tidak dapat dinafikan telah mempengaruhi golongan wanita berhijab di Indonesia. Berkait dengan keupayaan penelitian terhadap identiti mereka dalam sub-budaya muzik *metal* melalui fesyen muzik *metal* dapatlah diidentifikasi objektif kajian berikut ini:

1. Menganalisis proses pembentukan identiti *hijabers metal* melalui fesyen muzik *metal*, simbol-simbol dan aksesori (*attribute*).
2. Menghuraikan keseimbangan identiti *hijabers metal* antara pakaian Muslimah dengan pakaian muzik *metal*.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Dalam dua dekad terakhir selepas era CCCS (*Contemporary Centre of Cultural Studies*) berakhir, kajian akademik mengenai sub-budaya dalam jurnal saintifik kajian budaya, feminis dan komunikasi tidak berkembang banyak berbanding kajian akademik budaya popular, terlebih lagi kajian sub-budaya yang berelasi dengan muzik *metal* dan wanita. Boleh diandaikan sub-budaya tidak mendapat perhatian khusus di kalangan intelektual dan akademik kerana kedudukan sub-budaya yang sedikit diketepikan dalam kajian sosial dan budaya. Terlepas dari kurangnya kajian sub-budaya, masih ada penyelidik kajian budaya yang terlibat dalam kajian sub-budaya daripada pelbagai penjuru dunia.

Di zaman ini, walaupun kajian sub-budaya melibatkan wanita dalam pelbagai disiplin, namun perhatian kepada golongan lelaki masih sangat besar. Selain penglibatan golongan lelaki lebih aktif daripada wanita, golongan lelaki mempunyai imej yang popular terhadap aktiviti kelas pekerja. Terpstra (2006) melakukan pemerhatian di Belanda mengenai gaya hidup sub-budaya lelaki muda di kota Boma yang sering berkaitan dengan identiti, harapan dan imej maskuliniti. Para penyelidik melihat isu-isu sub-budaya semasa masih dalam isu yang sama masa budaya ini muncul, ia tidak dipisahkan dari norma sekolah, kerja, masa lapang dan kenakalan remaja. Kesimpulannya, keempat masalah ini saling berkaitan dengan satu sama lain kerana mereka adalah alasan asas bagi ahli-ahli sub-budaya dilihat sebagai koleksi yang tidak berguna kepada persekitaran sosial. Pilihan gaya hidup sub-budaya adalah empat faktor iaitu keinginan dihargai daripada persekitaran sosial, keinginan dihargai oleh golongan lain, boleh mewujudkan hubungan dengan kumpulan rakan sebaya dan keinginan sama rata dengan golongan orang dewasa.

Beberapa kajian lepas tentang pengaruh sub-budaya melalui proses pengaruh genre muzik termasuk peranan golongan wanita diantaranya; Kaplan (1992) yang menganalisis video klip penyanyi Madonna, beliau berpendapat bahawa kebanyakan video klip Madonna memberi kesan kepada kedudukan wanita yang berkuasa atas golongan lelaki (dalam Barker, 2005, p.313). Seterusnya, Bradby (1992) mengkaji tentang isi dalam lagu penyanyi Madonna yang bertajuk *Material Girl* yang menurutnya penuh rasa cinta semu dan sepertinya terkandung mesej terselubung kepada para gadis untuk lebih mencintai wang agar boleh mendapat kekuasaan atas golongan lelaki. Di sisi lain, Young (1988), menjelajah terhadap kebimbangan feminis atas daya tarik dan makna Madonna bagi wanita, menurutnya Madonna bukanlah idola feminisme walaupun secara politis berjaya mencapai stes kebintangannya yang mempunyai daya tarik bagi berjuta-juta gadis remaja putri dan dapat membentuk citra awam sebagai Mainan Lelaki atau *Boy Toy*, ini kerana Madonna selalunya membuat pelbagai video tidak elok tentang imej golongan wanita yang diseksualisasi.

Dalam konteks muzik *metal*, Nordstorm dan Herz (2013) meneliti bagaimana golongan wanita muzik *metal* menempatkan kedudukan mereka sebagai gender berbeza dalam sub-budaya muzik *metal* yang pada akhirnya identiti mereka dapat terwujud, penelitian ini dilakukan secara temu bual mendalam dengan beberapa wanita *metalhead* (peminat muzik *metal*) di negara Sweden, dalam penelitian ini ditemukan bahawa

metalhead wanita memaksa memindahkan kedudukan gender mereka ke tingkat yang lebih tinggi agar setara dengan kedudukan lelaki, oleh sebab itu mereka terus menerus menggunakan produk sub-budaya muzik *metal*, bertindak layaknya identiti lelaki serta menjalankan nilai budaya maskulin agar dapat diterima dalam kebudayaan ini. Secara amnya banyak penyelidikan sub-budaya tertumpu kepada negara-negara di Barat kerana budaya tersebut dilahirkan di rantau ini.

PERMASALAHAN GENDER DALAM SUB-BUDAYA

Kedudukan wanita dalam sub-budaya telah dihujah oleh penyelidik kajian budaya sejak permulaan fenomena ini berkembang. Willis (1977) meneliti bagaimana peranan anak golongan lelaki putih mengikuti proses pembelajaran di sekolah Inggeris di mana kebanyakan mereka menentang peraturan sekolah kerana mereka berpendapat pendidikan hanya untuk bilangan orang yang terhad (golongan elit). Walau bagaimanapun, kajian ini dikritik oleh penyelidik kajian budaya lain. McRobbie dan Garber (1991) mengkritik kajian etnografi terhadap sub-budaya kerana konteks kelas pekerja hanya dianggap kelas pekerja lelaki. Daripada kenyataan ini, kumpulan wanita secara tidak langsung diketepikan oleh golongan lelaki, termasuk dalam dunia penyelidikan akademik. Selepas sub-budaya dan budaya popular berkembang, tidak semua penyelidik kajian budaya meletakkan kedudukan wanita sebagai subjek yang diketepikan. Young (1988), meneroka peranan penyanyi wanita Madonna bagi golongan wanita melalui lirik lagu dan video klip. Menurut beliau, politik Madonna berjaya mencapai stes yang tinggi kerana dapat membentuk imej publik sebagai wanita yang kuat yang dapat memperoleh kuasa atas golongan lelaki.

Seiring berjalannya masa, banyak para penyelidik kajian budaya memberi perhatian kepada norma-norma gender dalam konteks sub-budaya. McRobbie dan Garber (1991) memunculkan isu gender dalam mengartikulasi makna sub-budaya dengan menyatakan hal-hal sebagai berikut; *Pertama*, wanita telah diabaikan oleh peneliti lelaki. *Kedua*, wanita telah diketepikan dalam sub-budaya lelaki. *Ketiganya*, budaya golongan wanita terletak di tempat yang berbeza dengan budaya golongan lelaki. Seterusnya, Huq (2006) juga mempunyai kritikan terhadap kajian CCCS (*Contemporary Centre of Cultural Studies*) Birmingham Inggeris, bahawa golongan wanita kerap dibincangkan sebagai objek seksual oleh golongan lelaki ketimbang peranan aktif mereka dalam komuniti sub-budaya. Dari pelbagai macam analisis mengenai kedudukan wanita dalam sub-budaya, sebahagian besar cenderung untuk meletakkan wanita dalam kedudukan yang rendah. Namun, Brake (1985) melihat daripada sudut pandang yang sedikit objektif dengan menjelaskan bahawa ketiadaan wanita dalam sub-budaya bukan hanya terletak pada persoalan sikap kewanitaan, tetapi berkaitan juga dengan sedikitnya sumbangan (pengeluaran) mereka terhadap komuniti mahupun aktiviti utama di dalamnya.

Ketidakseimbangan antara penelitian lelaki dan wanita dalam kajian sub-budaya boleh diasumsi kerana keberpihakan penyelidik mengikut gender masing-masing. Brake (1985) menjelaskan bahawa penyelidik lelaki hanya memberi tumpuan kepada remaja lelaki kerana mereka mempunyai gender yang sama. Selain itu, sokongan budaya kelas pekerja lelaki yang didominasi oleh lelaki. Kedudukan sub-budaya yang lahir dari budaya kelas pekerja menjadikan kajian ini bias. Clarke (1975) telah menjelaskan keadaan ini jauh sebelumnya ketika sub-budaya *skinheads* lahir, bahawa nilai utama daripada sub-budaya terdapat pada budaya tradisional kelas pekerja yang diperkuatkan oleh elemen-elemen seperti fesyen, muzik, bola sepak, gaya hidup dan aktiviti golongan lelaki. Hal senada dijelaskan oleh McRobbie dan Garber (1991) bahawa wanita bersifat marginal dalam sub-

budaya, itu semua kerana mereka marginal di dalam dunia kerja golongan lelaki, dan ruang lain untuk masuk dan aktif dalam dunia sub-budaya hanyalah majalah wanita. Pencarian kewujudan oleh golongan wanita terhadap golongan lelaki dalam sub-budaya akan terus berlaku selama kebudayaan ini berdiri. Penjelajahan lebih lanjut yang melibatkan simbol kelas kerja sentiasa menepikan wanita.

DOMINASI MASKULIN DALAM FESYEN SUB-BUDAYA MUZIK *METAL*

Dalam konteks sosial dan budaya, perkembangan muzik *metal* sebagai medium perlawanan (*resistance*) terhadap budaya dominan menjadi menarik untuk dianalisis kerana pada hakikatnya akar muzik ini menjadi komoditi atas penemuan trend baharu. Bentuk perwujudan muzik *heavy metal* dinyatakan melalui gaya pakaian, gaya rambut, hingga aksesori. Menurut Hebdige (1979), fesyen yang merupakan bahagian daripada trend sangat berkait rapat dengan muzik, keduanya berkembang namun asasnya tetap sama iaitu gaya (*style*). Dalam perjalanannya, gaya sub-budaya muzik *metal* telah berkembang terutama dalam fesyen dengan menyampaikan simbol sebagai inovasi untuk berkomunikasi dengan orang awam. Rusbiantoro (2008) menjelaskan bahawa dalam sejarah sub-budaya, fesyen tidak semestinya menunjukkan sebagai simbol tetapi ideologi tersembunyi di sebaliknya, yang sebenarnya adalah sistem pemikiran, sistem kepercayaan atau sistem simbolik yang berkaitan dengan tindakan sosial atau politik praktikal. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ideologi yang dianut oleh sub-budaya dikomunikasikan di sebalik fesyen sehingga masyarakat sosial dapat mengakui kewujudannya.

Muzik *metal* dan lelaki adalah dua unsur yang tidak dapat dipisahkan. Imej ini terbentuk kerana simbol-simbol maskulin yang telah ada dalam tempoh muzik ini berkembang seperti rambut panjang mahupun fesyen hitam. Weinstein (2009) menjelaskan bahawa nilai utama dalam budaya muzik *metal* adalah sifat maskulin kerana kebanyakan pencipta muzik *metal* adalah golongan lelaki. Berbanding dengan muzik keras lain, muzik *rock* adalah genre yang boleh berkompromi sedikit dengan kedudukan gender. Dunia tidak dapat mengabaikan hakikat bahawa banyak wanita terkenal dalam kehidupan dunia muzik *rock* seperti Janis Joplin, Chrissie Hynde, dan Debbie Harry dianggap bukan feminis tetapi bukan bererti anti-feminis. Malangnya, ketika muzik *metal* diamalkan oleh golongan wanita, kedudukan mereka menjadi diketepikan. Tidak ramai wanita memainkan peranan dalam senario muzik *metal*. Weinstein (2000) menggambarkan *heavy metal* telah diberi label "budaya maskulin", wanita boleh mengambil bahagian dengan memakai jaket kulit hitam dan gelang *metal* tetapi kerana dominasi maskulin cukup kuat peranan wanita tidak kelihatan jelas dan nyata.

Selain itu, fesyen *metal* dianggap lebih melampau daripada fesyen muzik *rock* kerana wanita yang menggunakan fesyen *metal* menunjukkan penampilan lebih maskulin. Satu elemen yang menjadikan gaya muzik *metal* sebagai perwakilan maskulin adalah pengaruh pakaian tentera, hal ini muncul kerana tentera bahagian daripada simbol kekuatan. Fesyen dan muzik *metal* telah digunakan sebagai alat untuk diterima dalam dunia sub-budaya muzik *metal* seperti pakaian tentera, but hitam, *pin* logam mahupun *klip* hitam. Golongan wanita percaya bahawa dengan menggunakan fesyen ini dapat mengamalkan semangat maskuliniti kelas pekerja. Menurut Hebdige (1979), ahli sub-budaya kerap menunjukkan keanggotaannya melalui penggunaan gaya yang berbeza dan simbolik, hal tersebut merupakan suatu bentuk penyelewengan sebagai tindakan penyimpangan perilaku yang bertentangan dengan masyarakat umum, dan digunakan sebagai perjuangan melawan

budaya dominan atau kumpulan dominan seperti orang tua, golongan elit masyarakat, dan norma sosial yang terkawal. Dapat disimpulkan bahawa simbol-simbol dalam sub-budaya muzik *metal* juga boleh mewakili makna perlawanan (*resistance*).

IDENTITI WANITA BERHIJAB DALAM FESYEN SUB-BUDAYA MUZIK METAL

Jika dikaitkan dengan konteks perlawanan (*resistance*) terhadap fesyen muzik *metal* kepada wanita, maka makna ini adalah perselisihan antara diri mereka dengan norma-norma yang dominan. Mengkonsumsi fesyen muzik *metal* tidak hanya untuk kepuasan emosi tetapi untuk mencapai pengiktirafan ideologi yang diperjuangkan. Wanita yang tergabung dalam sub-budaya muzik *metal* secara psikologi merupakan golongan wanita pejuang dan kritis, oleh kerana itu muzik mahupun fesyen *metal* menjadi gambaran peribadi mereka sesuai dengan ideologi muzik *metal* yang berasas pemberontakan. Menurut ahli sosiologi Davis (1979), imej kehidupan seseorang dapat mencerminkan identiti dan tingkah laku (dalam Walley, 2006). Pendapat Davis (1979) diperkuatkan oleh Prabasmoro (2006) yang menjelaskan bahawa kehidupan seharian kita sesungguhnya merupakan kenyataan seharian diri kita, maka setiap pilihan (produk, fesyen, muzik) yang kita guna untuk kelangsungan hidup kita sehari-hari adalah pernyataan identiti kita. Ia dapat difahami bahawa warna muzik mewakili diri wanita dalam sub-budaya muzik *metal* dan fesyen boleh diterjemahkan sebagai *soundtrack* hidup mengikut keadaan sosial yang ia alami.

Seiring dengan lambakan kemunculan sub-genre muzik *metal*, gaya pakaian dalam fesyen muzik *metal* juga menjadi beragam. Motif *viking* dan kesatria abad pertengahan juga diserap oleh peminat muzik *metal* seperti jaket denim dengan *pin* dan *emblem*. Di samping itu, fesyen yang menunjukkan kebebasan, kejantanan, dan penghormatan sebagai seorang kesatria juga digunakan oleh ramai kumpulan wanita *metalhead* sebagai bentuk penentangan terhadap metroseksualiti. Di Indonesia, peminat muzik *heavy metal* lebih banyak dikaitkan dengan sub-genre *thrash metal* dalam isu-isu fesyen *metal* seperti baju hitam, *jeans* hitam dan kasut *sneakers*. Gaya sederhana ini dibanding dengan fesyen *death metal* dianggap sesuai dengan iklim Indonesia yang tropikal. Fesyen bukan sahaja sebagai identiti sosial, tetapi telah menjadi gaya hidup yang dikaitkan dengan keperibadian, ekspresi diri dan kesedaran diri. Hal ini menjadi pembeza dengan masyarakat awam. Menurut Prabasmoro (2006), gaya hidup yang diwakili oleh cara orang berpakaian adalah satu perkara bagaimana kita menyelaraskan diri dengan apa yang kita mahu, kita percaya dan mungkin lebih penting bagi banyak orang, dan itu membuatkan kita berasa baik.

Perkembangan fesyen muzik *metal* bagi wanita di Indonesia tidak berhenti sampai disitu sahaja. Memasuki tahun 2000, muzik *metal* perlahan-lahan diminati oleh golongan wanita berhijab. Fenomena tersebut menjadi pro dan kontra daripada masyarakat awam. Di Indonesia, menerima kewujudan golongan wanita berhijab dalam dunia sub-budaya muzik *metal* (*hijabers metal*) bukanlah persoalan yang mudah. Budaya dalam ruang yang didominasi oleh ideologi patriarki membuat *hijabers metal* sukar untuk mengekspresikan diri. Menurut Ibrahim (2007) di negara Indonesia, khasnya di lingkungan kebudayaan Jawa, mempercayai konsep yang mengukuhkan bahawa kudrat wanita sebagai makhluk dengan tugas utama dan mulia iaitu sebagai penyambung keturunan, lemah lembut, lebih emosional dan fizikalnya kurang kuat. Nilai-nilai seperti ini menjadi halangan bagi *hijabers metal* dalam sub-budaya muzik *metal* untuk mengekspresikan diri baik melalui muzik mahupun fesyen. Walaupun kritikan banyak bermunculan, *hijabers metal* yang bermain muzik *metal* justeru semakin hidup ditambah dengan amalan fesyen muzik *metal* sebagai

pernyataan diri mereka sehingga apa yang disebut dengan "hijab *metal*" menjadi sebuah fenomena identiti baharu.

HIJAB (ANTARA FESYEN DAN PERILAKU)

Sebagai negara Timur yang sebahagian besar penduduknya beragama Islam, muzik *metal* dianggap sebagai muzik yang merosak budaya termasuk fesyen mahupun gaya andalan para peminatnya yang terkesan tidak baik dan bersikap semahunya. Namun, ternyata ada juga kumpulan wanita berhijab menggemarinya yang akhirnya menuai kontroversi di Indonesia di mana nilai-nilai budaya patriarki masih membelenggu golongan wanita. Imej tudung di mata masyarakat Indonesia mewakili wanita yang aktif dalam sektor domestik. Shihab (2014) menjelaskan bahawa menurut pandangan kontemporari, hijab yang bersifat material (pakaian tertutup) atau yang bersifat immaterial (atau kedua-duanya bersama-sama) telah menutup penglibatan wanita dalam kehidupan, politik, agama, akhlak, dan lain-lain. Di sisi lain, secara menyeluruh Mulia (2007) menjelaskan realiti sosiologis di masyarakat Indonesia dijelaskan secara konkrit bahawa agama sering dijadikan alasan untuk tidak mengakui wanita sebagai manusia seutuhnya yang tidak boleh mewakili diri mereka sendiri, keadaan ini disebabkan oleh cara pemahaman, tafsiran, dan pemikiran yang dipengaruhi oleh tradisi patriarki mahupun pengaruh budaya dan adat istiadat.

Penting kiranya untuk mentafsirkan konsep hijab daripada dua sisi iaitu konteks pakaian dan perilaku agar makna yang terkandung dapat difahami secara menyeluruh. Hijab bukan sahaja sepenuhnya dimaknakan sebagai fesyen atau adab berpakaian, tetapi hijab juga termasuk perilaku moral, sikap dan niat daripada pemakainya. Fesyen pakaian yang digariskan Islam adalah bertujuan menawarkan perlindungan yang terbaik untuk wanita bagi menjaga kehormatan mereka (Shofian, 2004). Lebih jauh lagi, Ismail (2007) menjelaskan manfaat apabila wanita memakai hijab iaitu mereka akan dikenali sebagai wanita yang solehah dan terhormat, dengan demikian orang-orang jahat akan menjauhi mereka dan mereka tidak diganggu, tidak ada seorang pun yang berani mendekati apalagi merayu wanita yang memakai hijab dengan sempurna, berbeza dengan wanita yang keluar rumah tanpa hijab, memakai make-up yang menarik dan tidak menutup aurat maka orang-orang yang kotor hatinya dan berniat jahat berharap dapat menggauli wanita seperti ini. Oleh kerana itu, dapat disimpulkan bahawa dalam konteks fesyen mahupun berpakaian, hijab (menutup aurat) yang sempurna akan menyelamatkan wanita daripada terjadinya suatu perkara yang buruk.

Seterusnya, hijab (tudung) dalam konteks tingkah laku menurut Ismail (2007) adalah ajaran wanita tentang adab ketika berbicara dengan lelaki bukan mahram, tinggal di rumah mereka, menunaikan solat, membayar zakat dan juga mematuhi perintah Allah dan Rasul-Nya. Pengajaran dapat difahami dengan tujuan untuk mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat. Ia dapat disimpulkan bahawa tujuan hijab adalah untuk memuliakan martabat wanita dan tidak menghalang hak-hak mereka untuk mendapat kebebasan. Mulia (2007) kembali menjelaskan bahawa teks-teks keagamaan dalam bentuk Al-Qur'an dan Sunnah dimuatkan dengan kandungan nilai-nilai mulia dan ideal, hanya apabila mereka berinteraksi dengan budaya manusia yang berbeza, pemahaman, interpretasi dan pelaksanaan mereka menjadi distorsif yang timbul kerana tahap intelektualiti dan pengaruh latar belakang sosio-budaya dan sosio-sejarah lelaki yang menafsirkannya. Sekiranya menghubungkannya dengan konteks sub-budaya muzik *metal*, hijab menjadi salah satu bidang perjuangan yang berterusan atas makna di mana *hijabers*

metal sebagai kumpulan bawahan selalu bertentangan dengan ideologi yang dominan. Merujuk kepada pendapat Hall (1996), makna itu akan dibentuk selepas artikulasi (ungkapan dan penglibatan) dilahirkan. Dalam hal ini, amalan penggunaan hijab *metal* memang tidak mudah mencipta makna yang membina tetapi ruang di mana fesyen dan tingkah laku berjuang untuk mencapai identiti.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif dengan kaedah etnografi. Tujuan penggunaan kaedah etnografi dalam penelitian ini adalah untuk memahami pandangan hidup daripada sudut pandang wanita berhijab mengenai dunia mereka dalam sub-budaya muzik *metal*. Di samping itu, penggunaan etnografi dalam kajian ini juga dapat menghuraikan semua aspek budaya yang bersifat material atau artifak budaya seperti fesyen dan aksesori. Jika berpandu pada pemahaman Spradley (1979), etnografi yang ditinjau secara harfiah merupakan hasil penelitian lapangan (*field work*) untuk menghasilkan laporan yang khas berkaitan dengan tingkah laku, kepercayaan, nilai, dan norma daripada kumpulan sosial.

Seterusnya, kajian ini menggunakan paradigma pembinaan (*konstruksionis*). Kotarba dan Vaninni (2009) menjelaskan dalam kajian mengenai muzik, paradigma pembinaan (*konstruksionis*) dapat berfungsi untuk menjelaskan bagaimana aliran (*genre*) terbentuk, bagaimana masyarakat dapat membentuk identiti secara individu mahupun secara kolektif, bagaimana suatu persembahan muzik dapat berkembang menjadi simbol ritual, bagaimana keadaan sebuah organisasi daripada sub-budaya suatu muzik terbentuk berdasarkan pada apa yang ahli kumpulan lakukan satu sama lain secara bersama-sama. Teknik analisis temu bual mendalam (*in-depth interview*) digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan pemahaman nilai secara mendalam sesuai dengan tafsiran subjektif daripada *hijabers metal* terhadap dunia sub-budaya muzik *metal*.

Penentuan responden dilakukan melalui teknik persampelan atau *purposive*. Setelah itu, metod penarikan sampel untuk memilih responden adalah metod *snowball (chain referral)*, dengan ini dipercayai boleh menyiasat hubungan antar manusia dalam kumpulan yang terbatas. Sesuai dengan Nasution (2003) yang menjelaskan bahawa metod *snowball* merupakan suatu cara di mana penyelidik memilih satu pemberi maklumat kunci sebagai titik permulaan kajian mereka dan untuk pemberi maklumat seterusnya didasarkan pada cadangan daripada informan pertama. Tempat yang dipilih sebagai lokasi penelitian adalah Jakarta dan Bandung Jawa Barat Indonesia kerana komuniti *metal* bawah tanah terbesar di Indonesia berada dan lahir pada kedua-dua wilayah tersebut sehingga pengamatan terhadap konsumsi budaya muzik *metal* bawah tanah semakin luas.

Guna mendapatkan data mengenai identiti wanita berhijab dalam sub-budaya muzik *metal (hijabers metal)* di Indonesia maka informan-informan dalam kajian ini adalah para wanita yang tergabung secara aktif dalam sub-budaya muzik *metal* baik pemain mahupun peminat. Dengan ini mereka dapat menerangkan pengalaman mereka dalam komuniti muzik *metal* serta proses pembinaan identifikasi mereka melalui fesyen muzik *metal*. Pengumpulan data tidak dilakukan pada umur tertentu kerana bilangan wanita yang masih sedikit dalam komuniti muzik *metal* di Indonesia. Dalam penelitian ini, terdapat enam orang informan iaitu sebagai berikut:

1. Informan 1 (AY): Perempuan, umur 33 tahun, Cikgu. Vokalis kumpulan muzik *metal* dengan genre *hardcore*.
2. Informan 2 (DA): Perempuan, umur 30 tahun, Pekerja Swasta. Vokalis kumpulan muzik *metal* dengan genre *gothic metal*.
3. Informan 3 (KM): Perempuan, umur 20 tahun, Pekerja Swasta. Pemain drum kumpulan muzik *metal* dengan genre *death metal*.
4. Informan 4 (SEM): Perempuan, umur 32 tahun, Pekerja Swasta. Pemain gitar kumpulan muzik *metal* dengan genre *death metal*.
5. Informan 5 (IPA): Perempuan, umur 23 tahun, Pekerja Swasta. Peminat muzik *metal* dengan genre *grindcore*.
6. Informan 6 (VIR): Perempuan, umur 28 tahun, Pelajar. Pemain gitar kumpulan muzik *metal* dengan genre *grindcore*.

PROSES PEMBENTUKAN IDENTITI WANITA BERHIJAB MELALUI FESYEN SUB-BUDAYA MUZIK METAL

i) Proses Pembentukan Identiti melalui Fesyen

Proses terbentuknya sub-budaya muzik *metal* yang menjelaskan pembezaan dan perbezaan terhadap kumpulan dalam bergaya tidak akan terbentuk tanpa adanya fesyen sebagai objek utama. Pernyataan klasik mengenai proses ini dikemukakan Hall dan Jefferson (1975), yang menjelaskan bahawa anggota sub-budaya memaknai diri mereka dengan objek khas, di mana objek tersebut diamalkan bersama-sama sebagai citra diri kolektif. Secara umum konsep fesyen merupakan suatu konsep pemahaman tentang cara berpakaian, di samping itu fesyen tidak muncul jika tidak ada seorang yang memakai gaya berpakaian dan aksesori tertentu.

Hampir banyak sub-budaya tertentu mengamalkan gaya penampilan yang berbeza, kerana fesyen selain berkaitan dengan fungsi, juga dapat dikaitkan dengan manfaat ekspresi. Begitu juga DA sebagai seseorang mempunyai konsep diri yang perlu dinyatakan seperti melalui aksesori *metal*. Dalam pandangan DA, dia boleh dinilai dan mempunyai erti yang berbeza mengenai apa yang digunakan. Hal ini diwujudkan olehnya dengan memakai gelang serta cincin *heavy metal* yang dianggap mewakili imejnya sebagai wanita muzik *metal* dan dianggap dapat diterima komuniti muzik *metal*, kebanyakannya golongan lelaki.

Menurut gue komunitas metal memang masih dominan laki-laki.. ya mau gak mau gue jadi terbawa kultur.. biasanya yang gak pernah lepas itu gelang sama cincin, kedua asesoris ini wajib gue pakai. Kalau dulu suka pakai kalung tapi sekarang gue udah jarang pakai itu. Asesoris ini gak bisa lepas deh.. sebenarnya gak ada *history* tersendiri dengan asesoris ini cuman kalau pakai ini merasa "gue aja! Kalau pakai ini merasa itu gue, seperti sudah menjadi fesyen *statement* gue (DA).

DA menganggap bahawa produk gelang dan cincin *heavy metal* yang dia pakai dapat melukiskan imej sebenar dirinya dan menggambarkan dirinya serta citra diri yang ideal. Menurut Suharini (2007), fesyen adalah kulit luar yang mengesahkan identiti seseorang kepada persekitaran sosial dan merupakan medium berkesan untuk menunjukkan stetes, kedudukan dan gaya hidup.

Secara tampilan fesyen muzik *metal* memang menggoda, ditambah dengan warna hitam yang mendominasi menjadi sebuah penyata identiti *hijabers metal* sebagai peribadi yang mempunyai sifat keras. Sememangnya warna hitam secara psikologis mengandung kesan misteri, senyap, dan gelap, oleh kerana itu nuansa hitam sangat identik dengan hal negatif seperti kematian dan kejahatan. Warna hitam digunakan oleh *hijabers metal* dimaksudkan untuk mengkomunikasikan makna dan nilai seperti kekuatan, pemberontakan, dan maskuliniti. Warna hitam dalam komuniti muzik *metal* merupakan fungsi daripada penyata sebuah identiti. Hal tersebut sesuai dengan penjelasan Suharini (2007) bahawa dengan memakai fesyen yang amat digemari dan disukai maka pemakai sebetulnya ingin menyatakan eksistensi diri mereka kepada orang lain dan lingkungan “*It’s Me!*”.

Hitam itu bagi aku kuat.. hitam dan gelap walaupun tidak ada warna itu menyimpan sisi kekuatan bagi aku (IPA).

Menurut saya makna hitam tidak semuanya berhubung dengan kegelapan justru sebagai lambang pemberontakan, rasa kelam dari diri seseorang. Hitam itu bukan selalu berarti gelap, sendu, suram. Saya rasa ada unsur pemberontakan di situ karena kebanyakan fashion yang ada di pasar dengan warna yang cerah-cerah. Saya lebih memilih warna hitam karena ini mencirikan bahwa saya gak suka fashion pada umumnya orang pakai, saya ingin berbeda (AY).

Secara tidak langsung busana warna hitam udah melekat di hati saya, ketika memilih pakaian tanpa disadari selalu pilih warna hitam. Hitam itu bagi saya mempunyai aura energi yang gagah apalagi ketika dicampur dengan distorsi yang galak jadi melahirkan suatu rasa semangat. Saya lebih mengartikannya sebagai identitas (SEM).

ii) Proses Pembentukan Identiti melalui Simbol dan Aksesori (Attribute)

Telah menjadi rahsia umum bahawa sub-budaya muzik *metal* dalam masyarakat awam dilihat sebagai simbol perlawanan dan pemberontakan. Penilaian seperti ini muncul kerana visualisasi yang telah dilihat oleh masyarakat. Ini sengaja diserlahkan oleh AY, VIR dan DA sebagai bahagian daripada suatu kumpulan muzik *metal*.

Dengan pakai embel-embel muzik metal ketika melakukan movement, saya ingin fesyen metal itu menjadi ciri khas saya.. saya merasa bangga ketika pakai hitam-hitam.. rasanya ingin kasih liat ke semua orang-orang bahwa saya metal dan pemberontak, berfikir kritis tidak seperti yang lain hanya diam aja (AY).

Gue maunya kalau masyarakat melihat gue lagi memakai *attribute metal* kesannya gak seram aja.. tapi kebanyakan orang-orang yang melihat gue pakai fesyen hitam-hitam mungkin lebih ke “ni cewek tomboy banget. Kalau kata teman-teman gue kalau memakai hitam-hitam aura gue lebih keluar dibanding dengan yang lain.. karena memang metal itu udah melekat banget ke diri gue (VIR).

Attribute gue rata-rata metal semua, sama sekali gak pernah punya asesoris dengan warna pink yang mencerminkan perempuan gitu, malahan gak tertarik untuk punya yang begitu, warna nya kebanyakan silver dan hitam. Gue suka warna hitam dari SMA kelas satu. Waktu SMA gue sama seperti kebanyakan anak-anak muda suka mencari jati diri, seperti musik akhirnya cocoknya di metal, warna pun begitu gue mencari warna-warna yang lain dulu sampai akhirnya menemukan jati diri gue di warna hitam (DA).

Seperti yang dijelaskan Storey (2003), bahawa mengkonsumsi muzik dan fesyen tertentu oleh para kumpulan minoriti merupakan salah satu cara bagi sebuah sub-budaya untuk memalsukan identitinya dan juga membentuk dirinya sendiri secara kultural dengan menandai pembezaan dan perbezaan daripada anggota masyarakat lainnya.

Seterusnya, dalam hal ehwal sub-budaya, fesyen mempunyai hubungan dengan masa lapang dengan aspek rekreasi atau kesenangan. Menurut Barnard (1996) fesyen atau pakaian yang hanya untuk keseronokan adalah cara untuk memunculkan keseronokan. Ini dijelaskan oleh KM dan VIR dengan tujuannya mengkonsumsi fesyen sepatu *new rock*.

Saya suka sepatu new rock buat fashion aja sih.. lebih untuk menyenangkan diri sendiri.. kalau pakai booth ngerasa lebih nyaman untuk kaki.. kalau pakai sepatu ceper harus menggunakan kaos kaki dulu.. ribet jadinya (KM).

Kaos situ wajib dipakai tapi gue lebih utamakan sepatu.. bagi gue sepatu itu kenyamanan karena kalau pentas gak pakai sepatu bisa mudah goyah jadi perform gak maksimal (VIR).

iii) Keseimbangan Identiti Hijabers Metal antara Pakaian Muslimah dengan Pakaian muzik metal

Pakaian adalah salah satu keperluan utama manusia selain makanan dan tempat tinggal. Selain berfungsi sebagai keperluan sekunder, fungsi utama pakaian sebagai penutup badan kelihatannya terlupakan, kerana pakaian adalah manifestasi sifat dasar manusia yang memiliki rasa malu yang selalu berusaha menutupi tubuhnya. Rouse (1989) dalam buku *Understanding Fashion* menerangkan komunikasi sebagai salah satu fungsi utama pakaian iaitu bagaimana pakaian mengkomunikasikan identiti yang merujuk kepada kesopanan dan daya tarik (dalam Barnard 1996). Oleh sebab itu, SEM mengkonsumsi fesyen *metal* yang berguna sebagai keperluan utama manusia iaitu sebagai pelindung tubuh, ditambah dalam upaya memperlihatkan keyakinannya, SEM mengkomunikasikan identiti keagamaannya melalui fesyen tudung hitam. Barnard (1996), menjelaskan bahawa penggunaan pakaian keagamaan dapat menunjukkan sesuatu seperti keyakinan dan kepercayaan.

Saya orangnya simple, gak suka pakai yang aneh-aneh. Jadi yang paling sering dipakai itu kaos metal, celana jeans, dan sepatu sport. Ditambah sekarang saya berhijab untuk menyesuaikan dengan fesyen metal saya pakai jilbab hitam. Secara tidak langsung busana hitam udah melekat di hati saya, saya lebih mengartikannya sebagai identitas (SEM).

Dalam buku David Chaney (1996) mengenai gaya hidup, beliau menulis tentang identiti (*identity*) dan diri (*self*) seolah-olah perkara yang sama, setidaknya kemungkinan membezakan antara keduanya patut dipertimbangkan kerana individualiti dan identiti dapat dilihat dalam pilihan gaya hidup. Dari hasil temu bual mendalam, *hijabers metal* tidak mengabaikan kendirian (*self*) mereka sendiri sebagai wanita Muslimah walaupun identiti mereka secara tidak sedar mahupun sedar telah dimanipulasi oleh sub-budaya muzik *metal*. Seperti IPA dan AY yang menjelaskan bahawa muzik *metal* serta fesyen tidak mempengaruhi gaya hidupnya.

Kalau di komunitas metal aku keseringan pakai hijab warna hitam supaya cocok sama yang lain. Tidak ada pengaruh yang besar terhadap hidup aku dengan masuk ke dunia metal, dengan memakai hijab gaya hidup sama saja seperti dulu sebelum gabung dalam komuniti metal (IPA).

Saya gak pernah ada merasa labil dalam memakai jilbab sekaligus juga bermain musik metal, tidak pernah merasa sampai harus membuka jilbab sebab memakai jilbab itu memang sudah menjadi pilihan hidup saya (AY).

Selanjutnya, Barnard (1996) menjelaskan bahawa pakaian/busana yang dipakai untuk menunjukkan ketaatan, kekuatan dan keyakinan, mempunyai tingkat kerumitannya masing-masing. Contohnya KM yang mempunyai pengalaman cukup rumit dengan memakai busana hijab, tetapi tetap dijalani demi ketaatan dan keyakinannya sebagai wanita Muslimah.

Dulu saya pernah mendekin kerudung.. karena kerudung sepanjang ini bagi saya ribet.. terus asalnya saya pakai rok kan.. akhirnya ganti celana jeans lagi.. celana jeans lagi.. terus semakin ke sini saya mikir bagaimana kalau latihan nge-drum pakai kerudung panjang terus pakai rok.. Alhamdulillah bisa.. saya merasa berdosa aja kalau mendekin kerudung.. saya merasa sudah mau sampai ke syar'i terus tergoda karena panjang dan repot (KM).

Dalam kesempatan lainnya tentang busana religi, Barnard (1996) menjelaskan bahawa busana dan pakaian beragama dapat menandakan stetes atau kedudukan dalam satu kumpulan, dan juga dapat menunjukkan kekuatan mahupun keyakinan. Seperti SEM dan DA dalam memperlihatkan keyakinannya. Ritual majlis taklim dan kegiatan gerakan Islam dilakukan mereka walaupun tidak begitu rutin. Hal ini untuk membuktikan kepada masyarakat awam bahawa amalan kehidupan "*hijabers metal*" jauh daripada perilaku yang menyimpang atau gaya hidup yang negatif.

Saya dari dulu sampai sekarang suka ikut pengajian ibu-ibu di kompleks rumah setiap malam Jum'at atau Jum'at pagi. Memang pengajian ini tidak rutin saya ikuti kalau saya ada waktu aja. Malah sekarang saya lebih sering ngaji suami dan anak-anak saya mengaji di rumah (SEM).

Gue ikut komunitas “mari berhijab”. Kalau dulu yang booming kan “*hijabers community*” ya.. untuk gabung dalam “*hijabers community*” syaratnya musti berhijab dulu tapi kalau “mari berhijab” justru kita mengajak perempuan-perempuan yang belum berhijab. Di sini kita sama-sama ikut kajian-kajian Islam supaya para wanita ada pemahaman dasar mengapa hijab itu wajib (DA).

Berbeda dengan VIR, baginya busana hijab mempunyai falsafah mengenai kehidupan yang tersendiri. Hijab bukan hanya sebuah fesyen sahaja, tetapi metamorfosis hidup. Merujuk kepada sosiologi Thomas (1968) yang dirungkaikan oleh Altheide (2000), penjelasan mengenai konsep keadaan dalam interaksi simbolik adalah manusia yang tidak langsung memberikan tanggapan (*response*) terhadap rangsangan (*stimulus*) sebagaimana makhluk lain kerana individu selalunya melakukan pemilihan, mendefinisi keadaan, dan memberi makna pada keadaan yang dihadapinya. Bersama dengan falsafah kehidupan manusia, bahawa untuk mengejar perjalanan kehidupan manusia mesti dapat membina, mengubah adat negatif dan sepatutnya berani merevolusikan diri mereka sendiri.

Dulu waktu sebelum berhijab gue sering meninggalkan sholat.. setelah berhijab walaupun sholat masih suka bolong-bolong tapi tetap ingat.. malah setelah berhijab di komunitas metal makin memperdalam agama dan memperkuat iman (VIR).

Jika melihat semua penjelasan daripada *hijabers metal*, mereka sedar bahawa asas utama keprihatinan mereka terhadap kehidupan adalah monoteisme walaupun pada masa yang sama mereka berminat terhadap gaya hidup (*lifestyle*) dengan memakai fesyen muzik *metal*, agar identiti yang terkandung akan dikekalkan. Bagi Muhammad (2013), prinsip asas ajaran Islam adalah prinsip Tauhid, dengan kata lain, Keesaan Tuhan mestilah asas utama bagi kehidupan manusia dalam kitaran hidup mereka di bumi. Mengekalkan keseimbangan identiti tidak mudah terutama pada era postmoden hari ini, manusia telah memasuki era masyarakat perindustrian yang banyak meluputkan nilai-nilai kemanusiaan. Menurut Kellner (2003), masyarakat moden mengalami apa yang dikenali sebagai "identiti rapuh" di mana identiti manusia menjadi sangat rapuh dan mudah berubah. Dalam pandangan ini, istilah rapuh boleh disebabkan oleh pembinaan postmoden yang membuat identiti manusia menjadi krisis. Pengalaman ini dirasakan oleh DA, SEM dan AY yang mengalami kegelisahan identiti dalam mengimbangi identiti hijab dengan fesyen *metal*, tetapi mereka sedar bahawa sebagai wanita Muslimah tidak dapat dibubarkan dalam perkara dunia yang akan menyebabkan mereka menjadi pengabaian.

Jujur masih ada up and down nya, kadang ada titik dimana *metal 'it's just about music and fashion'* tidak berpengaruh kepada agama. Tapi gue juga menyadari kala gue lagi intens-intens nya masuk ke dunia metal gue kadang-kadang melupakan urusan akhirat, setelah beberapa hari baru menyadari kalau gue jadi malas mengaji dan sholat.. memang ada efek nya sedikit, jadi gue juga gak bilang kalau iman gue kuat, tidak juga.. kadang adalah masa-masa dimana gue memilih nongkrong sama temen-temen gue sehingga sholat jadi bolong-bolong.. boro-boro ngaji,

sholat fardhu aja masih lewat. Sekarang ketika sudah menikah ada yang mengingatkan aja, ketika jaman masih single gak ada yang ngingetin, jadi kala terjun ke dunia underground betul-betul totalitas sehingga lupa urusan akhirat (DA).

Tidak dipungkiri saya sebagai manusia ada kondisi naik turunnya, tapi saya berusaha aja untuk meningkatkan kualitas iman saya bagaimanapun caranya. Kadangkala ketika berada di titik bawah suka bertanya “kok seperti ini lagi sih..” setelah itu berusaha naik lagi, berusaha agar curvanya tetap berada di atas (SEM).

Pengalaman di acara pentas musik kadang kita suka susah untuk mencari tempat sholat, dari situ kadang suka agak malas ya.. tapi Alhamdulillah sih lingkungan sekitar ada aja yang menyuruh untuk sholat rame-rame.. contohnya yang paling sering mengingatkan kita itu sound enggining nya Gugat, saya suka agak malu karena secara penampilan dia urakan dan ber-tato tapi sholatnya paling rajin. Jujur iman saya masih suka naik turun, kadang sholat suka lupa tapi kawan saya di band yang malah mengingatkan saya untuk cari musholla kalau lagi tour di tengah jalan (AY).

Daripada penjelasan *hijabers metal* ini, mereka berusaha untuk menyeimbang antara kendirian dan tampakan luar yang ada dalam diri mereka. Dalam diri mereka sangat menyadari bahawa pengaruh modenisme seperti fesyen *metal* sememangnya dapat mempengaruhi identiti diri, tetapi mereka dapat menyeimbangkan melalui kepeahaman agama sehingga identiti hijab (keislaman) tetap terjaga. Menurut Piliang (2003), modenisme sebetulnya berupaya untuk menyatukan seluruh umat manusia melalui nilai universalisme, tetapi pada masa bersamaan justeru memusnahkan nilai etnisiti, agama dan ideologi. Seiring dengan kenaikan umur mereka dan pemahaman atas ajaran agama Islam, golongan *hijabers metal* lebih mudah untuk menyeleksi dan juga menyaring pengaruh muzik *metal* seperti fesyen dan gaya-gaya yang dicipta kepada identiti mereka.

Saya ingin memberikan suatu aura positif kepada grup metal, buanglah sisi negatif. Saya juga ingin menunjukkan bahwa wanita juga bisa berkreatifitas dengan berhijab, tidak membatasi kita untuk tidak berkarya. Tapi dengan garis bawah jika sudah menikah atas izin suami tentunya (SEM).

Kehidupan di luar gak banyak pengaruh sama diri saya.. Insha Allah fondasi di dalam rumah udah kuat.. selama ini Ayah selalu ngarahin hidup saya.. jadi kembali lagi dari rumah itulah yang membuka pemikiran dan hati saya (KM).

Bagi aku gak ada hubungan nya memakai hijab dengan musik metal. Sholat ya sholat.. musik ya musik.. kalau bisa jalan seiringan (IPA).

Gue pengen untuk cewek-cewek yang berhijab juga kayak gue gak usah terlalu aneh dengan cewek berhijab yang menyukai musik metal. Bagi gue berhijab itu antara diri kita dengan Tuhan kita dan metal itu hanya musik yang kita mainkan (VIR).

KESIMPULAN

Golongan wanita berhijab di dunia sub-budaya muzik *metal* masih memerlukan masa untuk memperoleh kepercayaan oleh pihak yang lebih luas kerana kebanyakan daripada masyarakat awam melihat sub-budaya ini hanya milik golongan lelaki. Dalam dunia sub-budaya muzik *metal*, identiti wanita berhijab masih terjejas oleh imej yang kuat daripada budaya maskulin. Nilai dan mitos yang dibina berdasarkan ideologi maskulin ini telah cukup lama mempengaruhi masyarakat dan kehidupan orang di Indonesia. Ini menyebabkan apa-apa mesej, tanda, mahupun makna yang dikomunikasikan selalu dipengaruhi oleh ideologi tersebut. Walau bagaimanapun, kehadiran *hijabers metal* dalam komuniti muzik *metal* di Indonesia ini sekurang-kurangnya merupakan percubaan untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap sub-budaya muzik *metal* salah satunya melalui fesyen.

Penciptaan fesyen hijab *metal* adalah satu bentuk perlawanan terhadap budaya yang dominan. Identiti "hijab *metal*" terbentuk sebagai hasil pemaknaan daripada fesyen *metal*, seperti kaos (*t-shirt*) *metal*, *jeans* hitam, kasut *sneakers*, dan aksesori *metal* digabung dengan pakaian Muslimah wanita iaitu tudung. Fesyen *metal* tidak hanya ditakrifkan sebagai pakaian mahupun aksesori, tetapi digunakan untuk mendefinisikan diri para wanita berhijab dalam komuniti muzik *metal* dalam konteks sosial-kultural baik individu mahupun secara kumpulan agar berbeza dengan individu dan kumpulan lainnya. Dengan sentiasa menggunakan produk fesyen muzik *metal*, kumpulan *hijabers metal* bukan sahaja menunjukkan diri mereka, tetapi juga dapat menyatakan identiti sosial mereka dengan tingkah laku yang membina sebagai wanita Muslimah.

Menurut Yahya (2000), Islam tidak mengabaikan persoalan harmoni, antara seni dan kebaikan (*al husn*), antara yang zahir dan batin, antara dunia dan akhirat, asalkan karya yang dihasilkan tidak boleh dilupakan daripada *Sunnah Allah*. Dengan mempertimbangkan faktor tersebut, golongan *hijabers metal* yang berada dalam komuniti muzik *metal* membentuk suatu penampilan luar atau "tanda pengenal" baharu yang sesuai dengan harapan mereka dalam sub-budaya muzik *metal*. Fesyen hijab *metal* boleh menjadi salah satu cara kepada para wanita Muslimah yang tergabung dalam komuniti *metal* untuk menyatakan keperibadian mereka dengan menunjukkan sebuah mesej dari yang mereka guna sehingga secara simbolik dapat mengesahkan identiti mereka kepada komuniti muzik mahupun persekitaran sosial.

Kesimpulannya, kesenian seperti gaya dan fesyen dapat digabungkan dengan agama, tetapi konteksnya harus diperiksa dengan teliti kerana tidak semua jenis fesyen dapat diterima oleh agama. Menurut Yahya (2000), dalam perspektif budaya, Islam adalah agama yang menerima kesenian sebagai bentuk penghargaan manusia terhadap sesuatu yang bersifat ilahiah dan kewahyuan, namun pemahaman dan pemaknaan terhadap kesenian tidak boleh hanya dimaknai dalam segi estetika dan artistik sahaja, terdapat juga aspek yang berkaitan dengan imej kemanusiaan. Aspek etika tidak boleh diabaikan, terutama jika makna berkaitan dengan kepercayaan dalam agama Islam. Jika mengaitkan dalam konteks identiti golongan *hijabers metal*, maka mereka berusaha untuk menanamkan kesedaran bahawa mereka wajib menyeimbangkan antara sikap/perilaku dengan fesyen/gaya muzik

metal secara terus menerus. Mereka perlu menapis apa sahaja yang sepatutnya dapat diamalkan dan tidak boleh diamalkan dalam dunia fesyen muzik *metal* sehingga mereka dapat memahami aspek estetika, etika dan kemaslahatan bagi identiti mereka. Dengan demikian, pembinaan apa sahaja mengenai muzik, gaya dan fesyen *metal* tidak boleh mempengaruhi identiti golongan *hijabers metal* kerana mereka selalu merujuk pada ajaran agama Islam yang hasilnya akan dimuarakan pada kehidupan mereka.

BIODATA

Rizky Hafiz Chaniago ialah pelajar Doktor Falsafah di Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Amizah Wan Mahmud (PhD) bertugas sebagai Ketua Program Komunikasi Media dan pensyarah kanan di Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Badrul Redzuan Abu Hassan mengajar dan menyelidik semiotika media dan budaya di Pusat Pengajian Impak Media dan Industri Kreatif, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

RUJUKAN

- Altheide, D. L. (2000). Identity and the definition of the situation in a mass-mediated context. *The Sociological Quarterly*, 23(1).
- Arnett, J. J. (1996). *Metal heads heavy metal music and adolescent alienation*. Colorado: Westview Press.
- Barker, C. (2005). *Cultural studies: Theory and practice*. London: Sage Publications.
- Barnard, M. (1996). *Fashion as communication*. New York: Routledge.
- Bradby, B. (1992). Like a virgin mother?: Materialism and maternalism in the songs of Madonna. *Cultural Studies*, 6(1), 73-96.
- Brake, M. (1985). *The invisible girl – The culture of femininity versus masculinism*. In *Comparative youth culture: The sociology of youth culture and youth subcultures in America, Britain and Canada*. New York: Routledge.
- Chaney, D. (1996). *Lifestyle*. New York: Routledge.
- Clarke, J. (1975). *The skinheads & the magical recovery of community*. In H. Stuart, & J. Tony (Eds.), *Resistance through rituals: Youth subcultures in post-war Britain*. New York: Routledge.
- Davis, F. (1979). *Yearning for yesterday: A sociology of nostalgia*. New York: Free Press.
- Hall, S. (1996). *Critical dialogues in cultural studies*. New York: Routledge.
- Hebdige, D. (1979). *Subculture the meaning of style*. New York: Routledge.
- Huq, R. (2006). *Beyond subculture*. New York: Routledge.
- Ibrahim, I. S. (2007). *Budaya populer sebagai komunikasi (dinamika popscape dan mediascape di Indonesia kontemporer)*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Kaplan, E. (1992). Feminist criticism and television. *Mediekultur: Journal of Media and Communication Research - Women and Electronic Mass Media*, 2(4: 1986), 155-196.
- Kellner, D. (2003). *Media culture cultural studies, identity and politics between the modern and the postmodern*. London: Routledge.
- Kotarba, J. A., & Vannini, P. (2009). *Understanding society through popular music*. New York: Routledge.
- McRobbie, A., & Garber, J. (1991). *Girls and subcultures*. In *Feminism and youth culture*. London: McMillan.
- McRobbie, A. (1991). *Jackie: Romantic individualism and the teenage girl*. In *feminism and youth culture*. London: McMillan.
- Muhammad, H. (2013). Bukan soal tubuh tetapi ruh. *Jurnal Perempuan*, 77, 103-113.
- Muhammad Ismail. (2007). *Hijab memelihara kesucian wanita muslimah*. Johor: Pustaka Azhar.
- Mulia, S. M. (2007). Benarkah AGAMA MELAWAN PEREMPUAN?. *Jurnal Perempuan*, 52, 77-89.
- Nasution, S. (2003). *Metode research*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Nordstorm, S., & Herz, M. (2013). It's a matter of eating or being eaten' gender positioning and difference making in the heavy metal subculture. *European Journal of Cultural Studies*, 16(4), 453-467.
- Piliang, Y. A. (2003). *Hipersemiotika tafsir cultural studies atas matinya makna*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Prabasmoro, A. P. (2006). *Kajian budaya feminis (tubuh, sastra, dan budaya pop)*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Rouse, E. (1989). *Understanding fashion*. Oxford: BSP Professional Books.

- Rusbiantoro, D. (2008). *Generasi MTV*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Shihab, M. Q. (2014). *Jilbab pakaian wanita muslimah (pandangan ulama masa lalu & cendekiawan kontemporer)*. Tangerang Selatan: Lentera Hati.
- Shofian Ahmad Lotfiah Zainol Abidin. (2004). *Aurat kod pakaian Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Spradley, J. (1979). *The ethnographic interview*. California: Wadsworth Publishing Company.
- Storey, J. (2003). *Cultural studies and the study of popular culture* (2nd ed.). Athens: The University of Georgia Press.
- Suharini, M. (2007). Fesyen: Suatu keperluan atau identitas gaya hidup. *Forum Manajemen Prasetiya Mulya*, 1(2).
- Terpstra, J. (2006). Youth subculture and social exclusion. *Young*, 14(2), 83-99.
- Walley, D. (2006). *Teenage nervous breakdown 2nd edition music and politics in the post-elvis age*. New York: Routledge.
- Weinstein, D. (2000). *Heavy metal the music and its culture* (Revised ed.). Boston: Da Capo Press.
- Weinstein, D. (2009). *The empowering masculinity of british heavy metal*. In Bayer, G. (2009). *Heavy metal music In Britain*. England: Ashgate Publishing Limited.
- Willis, P. (1977). *Learning to labour*. Farnborough: Saxon House.
- Yahya, A. (2000). Agama sebagai sumber inspirasi kreativitas dan implikasinya: Hubungan Islam dan seni. *Humaniora*, 1, 105-111.
- Young, S. (1988). *Feminism and the politics of power*. In L. Gamman, & M. Marshment (Eds.), *The female gaze: Women as viewers of popular culture* (pp. 261-282). London: The Women's Press Ltd.